

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN
BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 18.11.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 27

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah
yang telah diambil oleh Kerajaan dalam
mentransformasikan kepimpinan JKKK dan JKKKP.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Yang Berhormat terhadap transformasi kepimpinan JKKK dan JKKKP.

Pelantikan JKKK/JKKKP baharu di negeri-negeri adalah berdasarkan model baharu seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Julai 2013 dan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 29 November 2013. Pelaksanaan model baharu JKKK/JKKKP yang bermula pada tahun 2014 telah memperkasa peranan JKKK/JKKKP sebagai Ejen Transformasi Luar Bandar dengan menekankan lima (5) aspek utama iaitu pemilihan, had umur, kelayakan akademik, tempoh perkhidmatan dan kompetensi untuk menggalakkan transformasi desa.

Berhubung dengan transformasi institusi kepimpinan desa iaitu JKKK/JKKKP, pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian untuk mengukuhkan peranan institusi ini sebagai Ejen Transformasi Luar

Bandar. Untuk memperkukuhkan dan memperkemaskan lagi pengetahuan mengenai asas pengurusan kampung, pada tahun ini Kementerian melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) telah menganjurkan sebanyak 107 siri kursus induksi yang diwajibkan kepada 17,542 orang Pengerusi dan Setiausaha yang baru dilantik. Selain itu, Kementerian juga turut menganjurkan 516 program transformasi JKKK/JKKKP meliputi siri taklimat/seminar/*outreach* bersama pemimpin peringkat Persekutuan dan Negeri yang melibatkan seramai 64,193 anggota JKKK dan JKKKP. Objektif program transformasi ini adalah untuk memastikan JKKK/JKKKP mempunyai informasi terkini mengenai inisiatif semasa Kerajaan dan dapat menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat setempat untuk dimanfaatkan.

Sehubungan itu, Kerajaan berharap kepimpinan JKKK/JKKKP di akar umbi ketika ini mampu membawa perubahan kepada pembangunan dan komuniti desa secara keseluruhan.